

MAHATHIR - UMNO
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 17 DIS (BERNAMA)-- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI UMNO TIDAK AKAN MENGUBAH SUSUNAN KEPIMPINANNYA EKORAN PENANDATANGANAN RANG UNDANG-UNDANG (PINDAAN) PERLEMBAGAAN OLIH TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN SEBAGAI MENJELASKAN SATU LAPORAN AKHBAR TEMPATAN BAHAWA AKAN BERLAKU PERUBAHAN DALAM SUSUNAN KEPIMPINAN UMNO.

+ITU LAPORAN. SAYA TYAK TAHU DARI MANA MEREKA MENDAPAT LAPORAN ITU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO.

KATANYA PARA ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO DIPILIH OLEH PERHIMPUNAN AGUNG PARTI DAN HANYA PERHIMPUNAN TERSEBUT AKAN MEMASTIKAN PERUBAHAN DAN TUGAS MAJLIS TERTINGGI DALAM PILIHANRAYA PARTI YANG BERIKUTNYA.

DITANYA SAMA ADA TELAH TIMBUL PERPECAHAN DALAM PARTI YANG BERIKUTNYA.

DITANYA SAMA ADA TELAH TIMBUL PERPECAHAN DALAM PARTI AKIBAT ISU ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK FIKIR BEGITU KERANA UMNO +SIHAT DAN BERUPAYA UNTUK MENGURUSKAN DIRINYA SENDIRI.+

+SAYA TIDAK NAMPAK SEBARANG MASALAH BAGI UMNO,+ TAMBAHNYA. --LAGI MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

DITANYA SAMA ADA TERDAPAT PETUALANG DALAM MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG TIDAK BERSETUJU DENGAN RANG UNDANG-UNDANG ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG TANDA, MALAH KESEMUA MEREKA MENYATAKAN SOKONGAN KEPADANYA UNTUK MENYELESAIKAN ISU ITU.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN DIAMBIL TINDAKAN TATATERTIB SEKIRANYA TERDAPAT BUKTI BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MENJALANKAN KEGIATAN YANG TIDAK DIINGANI BERHUBUNG DENGAN ISU ITU.

KATANYA PERKARA ITU AKAN DIPUTUSKAN OLEH LEMBAGA TATATERTIB PARTI YANG AKAN BERMESYUARAT PADA SATU TARIKH YANG AKAN DITETAPKAN KEMUDIAN.

TENTANG KEDUDUKAN BEKAS SEYIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SENU ABDUL RAHMAN DALAM PARTI, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIBINCANGKAN HARI INI TETAPI AKAN DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB. --BERNAMA 2203/MD